

# Banjir: JPS diarah kemuka cadangan

mm/4/v

**KOTA TINGGI** 3 Feb. – Kerajaan hari ini mengarahkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menjalankan kajian dan mengemukakan cadangan mengenai program pencegahan banjir di Johor yang teruk dilanda bencana itu pada Disember dan Januari lalu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, cadangan itu akan dijadikan asas dalam pelaksanaan projek pencegahan banjir yang perlu dilaksanakan tahun ini juga.

Menurut beliau, kerajaan tahu projek itu akan memakan belanja yang besar tetapi ia perlu dilaksanakan kerana tidak mahu melihat beban akibat banjir ditanggung oleh orang ramai berulang kali.

“Banjir kali ini telah mengakibatkan kerajaan terpaksa mengeluarkan RM1.5 bilion untuk memperbaiki kerosakan yang diakibatkan olehnya.

“Oleh itu, kajian dan cadangan yang akan dibuat oleh JPS itu perlu dilaksanakan segera membatikan kawasan-kawasan yang teruk dilanda banjir umpamanya Kota Tinggi, Batu Pahat dan Muar untuk mengatasi masalah banjir bagi jangka masa panjang,” katanya.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Bencana Negara berkata demikian kepada para pemberita selepas menyampaikan wang bantuan peralatan rumah untuk mangsa banjir Kota Tinggi di Dewan Jubli Intan, di sini hari ini.

Dalam gelombang pertama dan kedua banjir yang melanda pada 19 Disember dan 12 Januari lalu, beberapa daerah di Johor seperti Kota Tinggi, Segamat, Batu Pahat dan Muar ditenggelami air mengakibatkan lebih 100,000 penduduk terpaksa dipindahkan.

Di Batu Pahat dan Kota Tinggi umpamanya, air mengambil masa yang terlalu lama untuk surut, mengakibatkan ribuan mangsa banjir di kedua-dua daerah itu terpaksa tinggal di pusat pemindahan, hampir sebulan.

Menurut Najib, JPS juga perlu mencari penyelesaian terhadap masalah air yang lambat surut di Batu Pahat yang dikenali oleh masyarakat tempatan sebagai ‘air termenung’ mengakibatkan penduduk berdepan dengan masalah banjir yang berpanjangan.

Oleh itu, katanya, kerajaan bersedia mengeluarkan perbelanjaan besar supaya JPS membaik pulih sistem saliran yang ada selain memulakan usaha projek pencegahan banjir jangka panjang yang mungkin mengambil masa antara dua hingga tiga tahun untuk dilaksanakan.

Mengenai bantuan yang disampaikan, Timbalan Perdana Menteri berkata, Kerajaan Persekutuan memperuntukkan RM100 juta sebagai bantuan kepada semua mangsa banjir di Johor.

Katanya, ini termasuk bantuan RM200 untuk banjir kali pertama dan kedua, RM500 untuk bantuan peralatan rumah bagi setiap keluarga, bantuan untuk pelajar sekolah rendah dan menengah serta pelbagai lagi bantuan termasuk untuk membaiki kerosakan rumah.

“Kita memulakan penyerahan bantuan RM500 ini di Kota Tinggi hari ini dan saya percaya semua yang berhak mendapat bantuan ini akan memperolehnya selewat-lewatnya minggu depan.

“Bagaimanapun dalam soal pengagihan bantuan seumpama ini, akan ada yang tidak berpuas hati jadi saya nasihatkan supaya bersabar bagi membolehkan proses pengesahan dilakukan Jabatan Kebajikan Masyarakat,” jelas beliau.

**Kerajaan tahu projek itu akan memakan belanja yang besar tetapi ia perlu dilaksanakan kerana tidak mahu melihat beban akibat banjir ditanggung oleh orang ramai berulang kali.**

– Najib Tun Razak



**NAJIB Tun Razak diiringi Abdul Ghani Othman dan Syed Hamid Albar meninjau tapak rumah yang musnah akibat banjir di Kampung Tembior, Kota Tinggi, Johor, semalam.**

– Gambar ISHAK RAHMAD